



---

---

# **KERATAN AKHBAR DAN BERITA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**4 SEPTEMBER 2023 (ISNIN)**



---

## **KERATAN AKHBAR (KPDN)**

---

**4 SEPTEMBER 2023 (ISNIN)**



FUZIAH (tengah) menunjukkan minyak peket harga Jualan Rahmah di Program Jualan Rahmah Bergerak Peringkat Negeri Perak di Dewan Bandaran Gopeng semalam.

Mekanisme itu akan diperkenalkan tahun depan

## Subsidi minyak masak hanya untuk B40,M40

Oleh FADZIL ZAINOL

**GOPENG** – Kerajaan akan memperkenalkan kaedah bagi memastikan minyak masak bersubsidi hanya akan dinikmati oleh golongan berpendapatan rendah (B40), menengah (M40) serta perusahaan mikro.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup, Fuziah Salleh bagaimanapun berkata, usaha itu akan memakan masa terutama bagi menyediakan data bersepdua, memandangkan masih ada peniaga mikro yang tidak berdaftar selain mengumpulkan sumber daripada pelbagai

agensi.

Beliau tidak menolak program itu boleh dilaksanakan pada tahun depan jika semua berjalan dengan baik.

"Kementerian dalam proses mewujudkan mekanisme untuk menyasarkan minyak masak bersubsidi supaya sampai terus kepada golongan yang layak menerima.

"Kita sudah membuat keputusan di peringkat kementerian bahawa yang layak menerima ialah B40, M40 ke bawah dan industri mikro yang menjual makanan seperti goreng pisang atau ayam goreng di pasar malam," katanya selepas melancarkan Program

Jualan Rahmah Bergerak dan Aduan Suri peringkat negeri Perak di sini semalam.

Tambah Fuziah, usaha pelaksanaan itu akan dilakukan secara berperingkat kerana terdapat juga pelbagai bentuk subsidi yang dipantau oleh kementerian lain.

Jelasnya, rancangan itu dibuat bagi memastikan subsidi dapat diberikan kepada golongan yang layak selain menjadi usaha berterusan kerajaan mengatasi ketirisan.

Beliau turut melihat potensi untuk melakukan jualan minyak masak bersubsidi menerusi program jualan Rahmah.

Program Jualan Rahmah Bergerak peringkat negeri Perak

## 300 ekor ayam RM1 'licin'

**GOPENG** – Tidak sampai sejam, 300 ekor ayam berharga RM1 setiap ekor habis dijual dalam Program Jualan Rahmah Bergerak (PJR) peringkat negeri Perak di sini semalam.

Lebih 500 penduduk sekitar memenuhi kawasan Dewan Bandaran Gopeng sejak 8 pagi bagi mendapatkan pelbagai barang jualan Rahmah yang dilancarkan oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup, Fuziah Salleh sejarn kemudian.

Timbalan Menteri itu menyatakan rasa gembira apabila jualan Rahmah secara bergerak itu dapat diperluaskan ke merata kawasan sejak mula diperkenalkan pada Jun 2023.

Beliau melihat kaedah tersebut membolehkan barang Jualan Rahmah sampai terus kepada rakyat khususnya di kawasan pendalaman dan berpendapatan rendah.

"Saya menyarankan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ahli Parlimen untuk mengenal pasti di mana kawasan yang ingin dibawa kedai cari rakyat ini. Kerana Yang Berhormat sendiri yang tahu di mana kawasan kampung, kumpulan B40 dan kawasan kos kawasan rendah," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap melancarkan PJR dan Aduan Suri di sini semalam.

Sejak dilancarkan pada 16 Jun 2023, PJR telah melibatkan sebanyak 575 kawasan di seluruh



FUZIAH (tiga dari kiri) menunjukkan ayam jualan di Program Jualan Rahmah Bergerak Peringkat Negeri Perak di Dewan Bandaran Gopeng semalam.

negara.

Kata Fauziah lagi, sehingga kini sebanyak 129 Program Jualan Rahmah telah dilaksanakan di kesemua 24 kawasan Parlimen

serta 59 kawasan DUN Perak dan telah memberi manfaat kepada lebih 160,000 orang dengan jumlah jualan melebihi RM3 juta.

Dalam program sama Fuziah

yang turut melancarkan Aduan Suri iaitu kemudahan kepada rakyat untuk membuat sebarang aduan kepenggunaan dengan hanya mengimbas kod QR.



# PASUKAN KHAS SIASAT KEKURANGAN MINYAK MASAK PEKET

KEMENTERIAN Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan mengarahkan pasukan khas menyiasat kekurangan minyak masak bersubsidi ekoran aduan mengenai kesukaran pengguna memperoleh minyak masak peket tersebut di pasaran.

# Pasukan khas siasat kekurangan minyak masak

KPDN terima aduan walaupun jumlah pengeluaran setiap bulan mencukupi bagi setiap isi rumah golongan sasar

Oleh SAIFULLAH AHMAD  
**GOPENG**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) akan mengarahkan pasukan khas menyiasat kekurangan minyak masak bersubsidi di pasar-an.

Timbalan Menterinya, Fuziah Salleh berkata, pihaknya telah menerima aduan mengenai kesukaran memperoleh minyak masak peket.

"Minyak masak peket ini kita memang ada pasukan khas untuk menyiasat sekiranya ada ketirisan sebab memang kita terima aduan merata-rata ia sukar diperoleh."

"Sebenarnya kita ada sistem pengesanan daripada pembekal kepada pemborong namun kita faham bahawa ada yang tiris di mana-mana, jadi memang kita ada pasukan khas menyiasat jika berlaku ketirisan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Jualan Rahmah Bergerak Peringkat



Negeri Perak di Dewan Bandaran Gopeng di sini pada Ahad.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan *Sinar Harian* mengenai kesukaran mendapatkan minyak masak peket di beberapa premis perniagaan di Negeri Sembilan dan Melaka.

Fuziah berkata, setiap bulan sejumlah 60,000 tan metrik minyak masak bersubsidi disediakan kerajaan untuk golongan sasar.

Jelasnya, berdasarkan kajian statistik jumlah pengeluaran minyak masak bersubsidi setiap bulan mencukupi bagi setiap isi rumah golongan sasar.

Sementara itu, Fuziah berkata, KPDN sedang mengemasaskan data terperinci bagi pembeiran minyak masak secara bersasar kepada golongan yang

ditetapkan.

Menurutnya, kerajaan ber-setuju menetapkan bahawa selain golongan B40, golongan M40 dan peniaga kecil mikro juga boleh membeli minyak masak bersubsidi tersebut.

Katanya, mekanisme pembeiran minyak masak bersubsidi kepada golongan sasar itu dijangka akan dilaksanakan pada tahun hadapan.

Sementara itu Fuziah berkata, KPDN akan bertindak tegas terhadap mana-mana pihak yang menetapkan pembelian bersyarat ke atas barang kawalan seperti minyak masak peket dan gula.

Beliau berkata, pihaknya tidak akan berkompromi terutama bagi mereka yang melakukan kesalahan sama berulang kali.

Jelasnya, di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961, mana-

Fuziah (tiga dari kiri) menyerahkan ayam berharga RM1 seekor kepada orang ramai yang hadir ke Program Jualan Rahmah Bergerak Peringkat Negeri Perak di Dewan Bandaran Gopeng pada Ahad.



mana individu atau syarikat yang melakukan kesalahan tersebut boleh dikenakan denda antara RM1 juta hingga RM5 juta atau penjara atau kedua-duanya sekali.

"Tindakan ini bukan setakat peruncit tetapi di semua peringkat seperti pemborong dan sebagainya. Ini merupakan satu kesalahan yang serius."

"Saya menyarankan semua yang menjadi mangsa sama ada peringkat peruncit atau pemborong harus ke depan kerana kita tidak ada toleransi kalau sekiranya dia datang daripada peringkat lebih tinggi," katanya.

Sementara itu, keunikan Program Jualan Rahmah, ialah jualan ayam RM1 seekor bagi 300 orang terawal yang hadir membeli barang ketika jualan tersebut.



## **Tindakan jika tawar pembelian bersyarat barang kawalan**

**Gopeng:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan mengenakan tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang meletakkan pembelian bersyarat terhadap barang kawalan seperti minyak masak paket dan gula.

Timbalan Menterinya Fuziah Salleh berkata pihaknya menerima 71 aduan berkaitan pembelian bersyarat di seluruh negara sejak awal tahun ini.

"Bagi mana-mana orang perseorangan yang disabitkan dengan kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 boleh didenda maksimum RM1 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

"Pertubuhan perbadanan pula boleh didenda maksimum RM2 juta dan bagi kesalahan kedua didenda tidak melebihi RM5 juta," katanya pada sidang media selepas merasmikan Program Jualan RAHMAH Bergerak dan Aduan Suri Peringkat Negeri Perak di sini, semalam.

Beliau berkata daripada 71 aduan itu, sebanyak 17 kes telah diambil tindakan manakala enam lagi dalam siasatan di bawah akta berkenaan.

Fuziah sehubungan itu, meminta orang ramai mengemukakan aduan sekiranya terdapat pembelian barang kawalan yang dikenakan syarat, kebiasaannya membabitkan minyak paket, gula dan tepung gandum.

## Warning to errant traders

**GOPENG:** The Domestic Trade and Cost of Living Ministry will take stern action against any party that imposes conditions on the sale of controlled goods such as packet cooking oil and sugar.

Deputy Minister Fuziah Salleh said the ministry has received a total of 71 complaints related to conditional sales of controlled items in the country since the beginning of the year.

"Any individual convicted of an offence under the Control of Supplies Act 1961 can be fined a maximum of RM1 million or imprisoned for not more than three years, or both."

"Corporations can be fined a maximum of RM2 million and for the second offence, a fine of not more than RM5 million," she said after launching the Perak-level Mobile Rahmah Sales programme here yesterday.

Fuziah said action has been taken in a total of 17 cases, while six others were under investigation, Bernama reported.

She said the ministry is in the process of creating a mechanism for the sale of targeted subsidised cooking oil.



---

## **KERATAN AKHBAR (AGENSI KPDN)**

---

**4 SEPTEMBER 2023 (ISNIN)**

# Penjaja kecil disaran daftar dengan SSM

## Pangkalan data permudah program subsidi minyak masak bersasar

Oleh Noorazura

Abdul Rahman

bhnews@bh.com.my

**Alor Setar:** Penjaja kecil di seluruh negara disaran mendaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi memudahkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup mendapatkan pangkalan data senarai penerima subsidi minyak masak bersasar.

Timbalan Menterinya, Fuziah Salleh, berkata program subsidi minyak masak bersasar secara berperingkat mulai tahun depan akan memperincikan penerima yang layak selain golongan B40 dan M40.

"Penjaja kecil seperti penjual pisang goreng, karipap, keropok lekor dan ayam gunting, termasuk dalam senarai penerima mereka ini dan kita minta mereka mendaftar dengan SSM kerana ia per-

cuma untuk B40.

"Golongan penjaja merangkumi sejuta pemain industri mikro yang kebanyakannya tidak mendaftar kerana bimbang kalau mendaftar kena bayar cukai.

"Sebenarnya, jika tidak cukup had pendapatan, tak perlu bayar cukai. Mereka hanya perlu buat laporan tahunan, tetapi ini yang mereka tak faham.

"Sekiranya mendaftar, ia akan memudahkan kami masukkan golongan ini dalam dasar yang dibuat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Jualan RAHMAH Premium di sini, semalam.

### ••••• Layak terima subsidi

Fuziah berkata, kira-kira 5.8 juta rakyat dalam kalangan B40 dan M40 yang layak menerima subsidi

minyak masak sudah dikenal pasti tetapi kementerian masih berdepan isu mengumpul dan menyelaraskan data.

Katanya, banyak perkara perlu diambil kira seperti lokaliti dan tanggungan.

"Kos sara hidup golongan M40 yang tinggal di Kedah dan Kuala Lumpur tidak sama, ada yang kena jaga ibu yang sakit atau tua, maka semua faktor itu harus diambil kira," katanya.

Beliau berkata, sejumlah 60,000 tan minyak masak bersubsidi disediakan kerajaan untuk golongan sasar setiap bulan.

"Jumlah itu sepatutnya lebih daripada keperluan kumpulan sasar kerana berdasarkan kajian, setiap isi rumah memerlukan 4.8 kilogram minyak masak sebulan," katanya.

••••• Sebenarnya, jika tidak cukup had pendapatan, tak perlu bayar cukai. Mereka hanya perlu buat laporan tahunan, tetapi ini yang mereka tak faham



Fuziah Salleh,  
Timbalan Menteri Perdagangan  
Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup



---

---

## **BERITA ONLINE (KPDN)**

---

---

**4 SEPTEMBER 2023 (ISNIN)**

BERITA ONLINE BERTARIKH 4 SEPTEMBER 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
4-Sep	3 SEPTEMBER 2023 -BERITA PER-DANA-KEKURANGAN MINYAK MASAK BERSUBSIDI-PASUKAN KHAS KPDN SIASAT	<a href="https://youtu.be/GQCpxW9-8-c?si=ItCnG0m8u1MSE3KG">https://youtu.be/GQCpxW9-8-c?si=ItCnG0m8u1MSE3KG</a>	BERITARTM
4-Sep	Stern action against traders selling controlled goods with conditions: KPDN	<a href="https://www.thesundaily.my/local/stern-action-against-traders-selling-controlled-goods-with-conditions-kpdn-BA11441202">https://www.thesundaily.my/local/stern-action-against-traders-selling-controlled-goods-with-conditions-kpdn-BA11441202</a>	THESUNDAILY
4-Sep	Stern action against traders selling controlled goods with conditions – KPDN	<a href="https://themalaysianreserve.com/2023/09/03/stern-action-against-traders-selling-controlled-goods-with-conditions-kpdn/">https://themalaysianreserve.com/2023/09/03/stern-action-against-traders-selling-controlled-goods-with-conditions-kpdn/</a>	THEMALAYSIANRESERVE
4-Sep	Don't impose sales conditions or else	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/09/04/dont-impose-sales-conditions-or-else">https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/09/04/dont-impose-sales-conditions-or-else</a>	THESTAR
4-Sep	Penjaja kecil perlu segera daftar SSM untuk subsidi bersasar	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/penjaja-kecil-perlu-segera-daftar-ssm-untuk-subsidi-bersasar/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/penjaja-kecil-perlu-segera-daftar-ssm-untuk-subsidi-bersasar/</a>	UM